

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang.**

Yang Berhormat Yang
Di-Pertua: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ pada Persidangan yang diadakan pada pagi tadi kita telah menyelesaikan dan meluluskan satu Akta iaitu Yang Bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang akan mula berkuat kuasa pada **1 April 2018**. Begitu juga dengan ketetapan-ketetapan yang masing-masing dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah juga diluluskan sebulat suara.

Sekarang persidangan ini kita sambung semula bagi kita mendengar Ucapan-Ucapan Penangguhan. Di sebelah pagi tadi sebelum kita berehat, kita telah mendengar Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seramai 18 orang Ahli Yang Berhormat yang telah ikut serta dalam sesi Ucapan-Ucapan Penangguhan yang mempunyai nampaknya harapan yang tinggi untuk ingin melihat perkembangan di Negara Brunei Darussalam ini dan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara kita.

Kita akan seterusnya menyambung dan mendengar Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan sekarang.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
Ucapan penangguhan seterusnya Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-
Sumber Utama dan Pelancongan:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَیْ اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ
وَالْمُرْسَلِیْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَیْ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِیْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ
Salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang menguruskan Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Kali Keempat Belas Tahun 2018.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua jua, Mesyuarat tahun ini berjalan dengan penuh tersusun dan teratur dalam keadaan dan suasana yang harmoni, penuh keselesaan dan produktif serta memfokus kepada membincangkan perkara-perkara strategik demi kepentingan kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Tahniah juga kaola ucapkan atas kecekapan Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat sehingga pihak pentadbiran Majlis Mesyuarat Negara berjalan dengan lancar dan teratur.

Seterusnya, kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan sejawatan dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat atas segala nasihat dan juga sokongan yang diberikan kepada kaola selama tempoh kita sama-sama bermesyuarat dalam Musim Permesyuaratan Pertama Majlis Mesyuarat Negara Kali Keempat belas ini.

Pandangan-pandangan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, tidak dinafikan sangat penting dan membina untuk pihak abiskaola pertimbang dan fikirkan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* sebarang kelemahan yang ada akan pihak abiskaola perbaiki demi kemajuan negara jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam menyampaikan Ucapan Penangguhan pada pagi tadi, beberapa orang Ahli Yang Berhormat ada juga mengajukan beberapa cadangan tambahan dan soalan-soalan yang baharu, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan kaola jawab dalam secara umum. Mana-mana yang belum terjawab akan disusuli dengan jawapan bertulis atau melalui perjumpaan dan perbincangan masa yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam beberapa perbahasan yang telah diadakan dalam Dewan yang Mulia ini, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan keadaan Keluaran Dalam Negeri Kasar (*KDNK*) yang menurun sejak 5 tahun yang lalu dan seterusnya membuat saranan cara-cara meningkatkan pertumbuhannya.

Kaola berterima kasih atas galakan dan dorongan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus berusaha meningkatkan keluaran sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan meningkatkan kedatangan jumlah pelancong, bukan sahaja sebagai usaha untuk mempelbagaikan ekonomi bahkan untuk menyumbang kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pertumbuhan *KDNK*. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan menguatkan tekad untuk meningkatkan nilai *KDNK* keluaran sektor pertanian, perikanan dan perhutanan kepada sekitar \$1 bilion menjelang tahun 2020 berbanding hanya sekitar \$200 juta pada tahun 2015, seperti mana juga yang terkandung dalam Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi 2016-2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini, izinkan juga kaola menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa merujuk Laporan Tahunan *JPKE*, keluaran sektor pertanian dan perikanan hanyalah salah satu daripada

penyumbang kepada *KDNK*. Pada tahun 2016, sektor-sektor ini hanya menyumbang sekitar 1.1% kepada *KDNK* dan kaola bertekad untuk meningkatkan sumbangan ini kepada 5% *KDNK* menjelang tahun 2020 nanti, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Terdapat beberapa sektor-sektor yang lain lagi sebagai komponen ekonomi yang di luar sektor minyak dan gas, seperti sektor pembuatan 1.2% *KDNK*, sektor kewangan 6.3% *KDNK*, sektor pembinaan 2.5% *KDNK*, sektor pengangkutan dan perhubungan 3.5% *KDNK*, sektor perkhidmatan kesihatan dan pendidikan 5.5% *KDNK*, sektor perkhidmatan perniagaan 2.4% *KDNK*, sektor hartanah 4.1% *KDNK* dan sektor hotel dan restoran 1.1%. Keluaran sektor-sektor ini juga adalah penyumbang penting kepada turun naik pertumbuhan *KDNK*.

Oleh yang demikian, keluaran dari kesemua sektor ini patut juga diberi dorongan agar tumbuh secara signifikan dan menyumbang sama kepada pertumbuhan *KDNK*. Dengan cara demikian, impak peningkatan keluaran semua sektor ini secara bersepadu akan dapat meningkatkan *KDNK* secara signifikan dan berterusan demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Ini adalah selaras juga dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 19 Rabiulawal 1437 bersamaan 31 Disember 2015 sempena menyambut

Tahun Baharu Masihi 2016 yang antaranya berbunyi:-

"Di sini kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri di mana beberapa tahun kebelakangan ini kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan yang memerlukan kita menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar sektor minyak dan gas".

Antara yang di luar sektor minyak dan gas itu, ialah seperti sektor pertanian atau perikanan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

"Kita mustahak ingat, bahawa pasaran dalam negara kecil, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk memasarkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka keluar negara sebagai eksport".

Demikianlah antara kandungan titah baginda, yang menjadi asas utama bagi penggubalan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2016-2020.

Berbalik kepada usaha-usaha bagi menggalakkan lebih banyak peladang baharu terutama dari kalangan belia untuk tampil ke hadapan dan mengambil peluang untuk

berkecimpung dalam aktiviti pertanian dan perikanan, maka kaola berseru agar kita semua akan menggalakkan anak-anak kita sendiri, atau anak-anak buah kita sendiri, terutama dalam kalangan belia, untuk menimbangkan aktiviti bertani sebagai sumber perniagaan dan pendapatan secara sepenuh masa.

Seperti yang kaola nyatakan dalam mukadimah kaola ketika membahaskan cadangan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kaola sangat memuji kegigihan beberapa orang peladang yang sedia ada di seluruh negara, termasuk beberapa orang kaum belia, yang berkecimpung dalam aktiviti pertanian dengan gigih dan bijak dalam memilih jenis perusahaan atau jenis-jenis tanaman yang akan dikendalikan, yang lebih menjurus kepada menanam jenis-jenis tanaman yang mempunyai nilai komersial tinggi dan menggunakan teknik-teknik moden.

Semogalah kejayaan beberapa orang belia ini akan dapat menjadi inspirasi kepada belia lain di seluruh negara untuk lebih bersemangat dalam menimbangkan bidang pertanian dan perikanan sebagai kerjaya dan sebagai aktiviti ekonomi pilihan mereka. Adalah tidak mustahil aktiviti pertanian dan perikanan ini berupaya melahirkan jutawan dalam kalangan pesertanya, terutama jika mereka gigih dan berkerja dengan bijak. Ketika ini pun kita mempunyai beberapa orang yang sudah bertaraf jutawan kerana berkecimpung dalam aktiviti pertanian atau perikanan, yang digabungkan dengan aktiviti pasar

raya, atau restoran atau aktiviti menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan pertanian dan perikanan sebagai contohnya pengasas *Hua Ho Supermarket*, pengasas Syarikat *ODE Aquaculture and Agriculture Company* dan pengasas *Asia Enterprise*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan, akan bersedia memberi tunjuk ajar dan bantuan kepada mereka untuk memulakan aktiviti pertanian dan aktiviti perikanan secara lebih bijak dan berkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekianlah sahaja yang dapat kaola saya sampaikan sebagai Kenyataan Penangguhan kaola pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara, Tahun 2018 ini. Setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang yang diberikan. Sekian,
وبالله التوفيق والهداية أَلَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
Ucapan Penangguhan seterusnya Yang Berhormat Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II: أَلَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah yang dihormati sekalian. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita telah bersama-sama bermesyuarat Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 12 hari mulai 5 Mac di Dewan yang mulia ini, dalam suasana yang kondusif bagi pemikiran, perbahasan dan perbincangan isu-isu kemajuan pembangunan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, lebih dahulu kaola dengan penuh hormat sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah dapat memimpin dan memandu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan mulia ini dengan penuh kebijaksanaan, ketabahan, dedikasi dan dapat menjadikannya berjalan dengan efisien dalam suasana penuh harmoni.

Begitu juga ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan pada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas sokongan dan panduan yang diberikan sepanjang permesyuaratan ini.

Penglibatan dan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sama-sama menjayakan permesyuaratan ini juga mencerminkan tahap perhatian dan komitmen yang tinggi ke arah menjunjung setinggi-tingginya dan

menanai hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai sebuah platform yang produktif dalam mengemukakan buah fikiran serta seterusnya mencadangkan dan memutuskan perkara-perkara yang strategik dan relevan demi kebaikan bersama dan negara yang kita cintai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, walaupun peruntukan Kementerian Pertahanan tidak dibahaskan, kaola ingin sekali lagi mengulangi kenyataan dalam mukadimah kaola bahawa isu pertahanan negara tidak dapat sama sekali dikompromi dan ia menjadi tanggungjawab bersama dan menjadi *precondition* utama bagi memastikan kemajuan politik ekonomi dan agenda pembangunan negara berjalan lancar serta keamanan, kemakmuran negara dikecapi dinikmati secara menyeluruh dan berpanjangan khususnya sekarang dalam kita dan negara sedang bergerak aktif untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Keamanan dan pembangunan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** adalah pemangkin kejayaan negara. Dalam mencarta hala tuju pertahanan negara secara khususnya Kementerian Pertahanan akan terus berusaha dengan gigih dalam memberikan tumpuan kepada penggunaan peruntukan

mengikut keperluan dan keutamaan ke arah pencapaian *tourisal areas* bagi kemajuan pertahanan iaitu pada petang ini kaola ringkaskan dengan *acronim* IKWDAMAI iaitu:-

I - integriti, membawa maksud integriti wilayah yang kukuh;

K - Keupayaan kesiagaan iaitu tahap keupayaan tempur dan kesiagaan yang tinggi;

W - *whole of nation* iaitu mendukung pendekatan negara melalui *whole of nation*;

D - diplomasi iaitu diplomasi pertahanan yang efektif;

A - antarabangsa iaitu penglibatan ketenteraan dalam misi-misi antarabangsa;

MA - manusia iaitu sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi; dan

I - imej iaitu imej pertahanan yang berwibawa dan *credible*, dihormati dan digalati.

Berkat kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Menteri Pertahanan dan pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah berjaya menempatkan diri sebagai institusi pertahanan negara yang mampu berdiri sama tinggi

dan duduk sama rendah dengan kewibawaan angkatan-angkatan bersenjata serantau ini dan juga sejagat.

Dalam mempertahankan kedaulatan agama, raja dan bangsa negara tercinta justeru mendapat penghormatan yang dihasratkan dari dalam dan juga dari luar negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang kita dapat perhatikan dan nilai sepanjang Permesyuaratan kita kali ini, menjaga dan seterusnya menambah baik kesejahteraan dan kemakmuran rakyat serta memperkasakan pembangunan negara meliputi pelbagai aspek dan isu yang pada majoritinya mempunyai perwatakan yang *cross-cutting*.

Di sinilah terletaknya kepentingan pemikiran serta perangkaan strategik yang holistik dan kesedaran bahawa semua usaha itu tidak akan dapat tercapai secara bersendirian kerana usaha yang murni memerlukan memerlukan penglibatan semua begitu juga halnya dengan pertahanan negara.

Pada masa yang sama, kita juga perlu bekerjasama dalam melaksanakan amanah yang diletakkan kepada kita dalam semangat bermuzakarah penuh muhibah, hormat menghormati dan berlapang dada selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyeru penggunaan

pendekatan dalam *whole of nations* untuk dijadikan amalan dalam menanai dan menggalas tugas kita dengan penuh tawakal dan keyakinan.

Bagi mengakhiri Ucapan penanguhan pada petang ini, saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan kitani Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wataala dan mendapat taufik dan hidayah-Nya serta sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera dan kebahagiaan.

Dengan adanya doa, tawakal dan usaha semoga Allah Subhanhu Wataala Yang Maha Berkuasa akan sentiasa memberkati dan merahmati negara kita dalam pertahanan, perkembangan dan kemajuan untuk kebaikan bersama mencapai wawasan negara, kebahagiaan dan kerahmatan di dunia dan juga di akhirat. Amin Yarabal alamien.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penanguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Abdul Awang Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. الحمد لله syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua, di negara kita ini berupaya menikmati keamanan dan kemakmuran serta seterusnya membangun di bawah daulat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola dengan penuh tulus ikhlas, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas keupayaan tinggi Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin permuzakarahannya sama ada di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara ataupun di Peringkat Jawatankuasa.

Terima kasih juga kaola ucapkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam permesyuaratan ini juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang dengan tulus ikhlas mengetengahkan isu-isu yang menjadi perhatian dan kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini terutama bagi

Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Segala saranan dan maklum balas yang concertif yang dikemukakan akan diteliti dengan mendalam dan holistik mengikut keutamaan, selaras dengan usaha-usaha Jabatan ini untuk mencapai pembangunan yang mampan dan *sustainable*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengutarakan beberapa perkara yang kaola fikirkan penting untuk sentiasa diambil ingatan dan perhatian, selesai sahaja kita bersidang di Dewan yang mulia ini.

1. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Negara Brunei Darussalam mempunyai identiti yang unik iaitu MIB. Walaupun terminology ini agak baru diperkenalkan tetapi inti patinya telah sekian lama kita amalkan sejak lebih 600 tahun lagi. MIB inilah pengikat dan benteng pertahanan kita dari ideologi-ideologi asing asalkan sahaja kita berterusan mengamalkannya. Untuk itu, kaola/saya menyeru pihak-pihak yang berkenaan supaya tidak kendur-kendur berusaha meningkatkan lagi pengamalan dan penghayatan rakyat dan penduduk terhadap konsep Melayu Islam Beraja ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini juga bertitah bahawa untuk menjadi pemimpin keperluan

untuk menguatkan amalan konsep MIB sangatlah mustahak bukan sahaja pemimpin tetapi kita semua diseru mengamalkannya untuk menjaga integriti kewibawaan kita sebagai ahli masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan sebagai rakyat yang sangat-sangat menyintai negaranya.

Inilah negara kita, inilah satu-satunya *the only one* yang kita ada dan merasa aman dan bahagia tinggal bermastautin hidup dan berlandung di dalamnya Negara Brunei Darussalam yang luasnya hanya 5,765 kilometer persegi ataupun 2,226 batu persegi, panjang pantainya 161 kilometer, wajib dijaga dan dipertahankan dan MIB tidak akan tercabar;

2. Pelaksanaan Perintah Hukum Jenayah Syariah 2013. Sebagaimana kita semua maklum bahawa fasa pertama telah pun diisytiharkan penguatkuasaannya. Manakala, fasa kedua akan berjalan penguatkuasaannya dalam masa terdekat yang SOP mengenainya telah pun diperkenankan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada hari Sabtu, 10 Mac 2018 hari iaitu hari kelima persidangan di Dewan yang mulia ini.

Dalam perkara ini, kaola/saya menyeru kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Di Lantik untuk sama-sama memikul dan

beganding bahu menjalankan peranan dalam memberigakan, mengambil tahu serta memahamkan secara telus kepada masyarakat awam, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam agar semua jelas dan sentiasa tahu berhubung pelaksanaannya.

Ingin juga kaola/saya mengingatkan bahawa tugas dan tanggungjawab bijak di dalam menjalankan dan memastikan pelaksanaannya berjalan lancar dan sempurna. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua dan bukanlah hanya dipikul dan diserahkan kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan kementerian-kementerian yang berkenaan;

3. Isu minuman keras. Dalam perkara ini, ingin saya menegaskan bahawa pendirian kerajaan berhubung perkara ini tetap dan tidak akan berganjak serta ia sangat jelas. Isu ini sepatutnya tidak perlu dibangkitkan lagi lebih-lebih lagi di Dewan yang mulia ini.

Ingin saya menarik perhatian dan ingatan biskita semua kepada penjelasan panjang lebar mengenai perkara ini pada petang Rabu, 1 Rabiulakhir 1431 bersamaan 17 Mac 2010 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, mantan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Dan kemudiannya disentuh

dalam Ucapan Penangguhan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, mantan Menteri Hal Ehwal Ugama pada petang hari Isnin, 6 Rabiulawal 1431 bersamaan 22 Mac 2010 di Dewan yang mulia ini.

Perkara ini dapatlah sama-sama kita rujuk ke dalam *Hansard* (Laporan Penuh) yang dimaksudkan. Sehubungan dengan hal ini, saya berharap agar perkara ini tidak perlu lagi dibangkitkan pada masa-masa akan datang.

4. Usaha-usaha bagi mempelbagai dan menjana pertumbuhan ekonomi hendaklah terus dipergiatkan sama ada di sektor kerajaan, sektor swasta dan segenap lapisan masyarakat. Dalam hal ini, kaola sukacita memohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seterusnya pemimpin-pemimpin akar umbi untuk mendukung inisiatif-inisiatif kerajaan seperti Satu Kampung Satu Produk demi meningkat tarafkan kehidupan masyarakat.

Kita menyedari sejak dari dahulu lagi bahawa negara tidak boleh selamanya bergantung pada pengeluaran minyak dan gas. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering kali mengingatkan bahawa Brunei perlu mempelbagaikan ekonominya

sambil terus meningkatkan hasil keluaran dalam negara kasar;

5. Isu yang berkaitan ialah *sustainability* pekerjaan. Kerajaan tidak akan sentiasa dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Di sinilah pentingnya peranan sektor swasta dan pelabur-pelabur langsung asing iaitu mereka setentunya dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Begitu juga dengan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana. Bidang keusahawanan pula, perlu dipupuk dari awal lagi supaya anak-anak tempatan tidak akan bergantung sepenuhnya pada kerajaan; dan
6. Teras kepada semua ini adalah keamanan dan kestabilan. Yang berjaya ditujui dengan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kita tidak sekali-kali akan berkompromi dengan isu-isu yang melibatkan keselamatan negara termasuk juga anasir-anasir yang cuba mempengaruhi minda masyarakat dengan ajaran-ajaran yang bertentangan. Peranan menjaga keamanan dan keharmonian ini terletak di bahu kita semua bukan hanya

khusus kepada agensi-agensi keselamatan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua kampung adalah sebagai wakil kerajaan dalam memberigakan apa jua langkah dan rancangan kerajaan untuk dimaklumi, diikuti, ditunaikan oleh seluruh rakyat. Sangat-sangat diharapkan, dipermesyuaratan yang akan datang kita akan mengubah cara perbincangan atau permesyuaratan kita pada mengemukakan cara dan cadangan-cadangan bagaimana mengatasi sesuatu permasalahan dan perkara yang menjadi kepentingan rakyat keseluruhan.

Dalam hal ini juga, ingin saya menyeru dan memberikan saranan kepada semua Ahli Yang Berhormat agar apa-apa jua permasalahan yang dibangkitkan, diajukan dan dikemukakan oleh masyarakat perlulah sama-sama kita cari jalan penyelesaian dan menjelaskannya kepada mereka yang mengajukan dengan cara memberikan mereka cara atau jalan keluar dari permasalahan tersebut dengan menghubungi pihak-pihak yang berkenaan dengan permasalahan yang ditimbulkan atau dihadapi, dan kalau boleh eloklah kita sama-sama selesaikan sebentar awal daripada menunggu untuk dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Hubungan rapat antara Ahli-Ahli Yang Berhormat, Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung sangat-sangat bernilai dan sangat-sangat dikehendaki untuk melestarikan kesinambungan

perancangan-perancangan dan projek-projek kerajaan. Membawa anak-anak buah berbincang-bincang, bermesyuarat, memberikan bimbingan, memberigakan penerangan-penerangan bahkan membuat penyiasatan ke atas anak-anak kampung seperti sama ada bantuan-bantuan kerajaan telah dapat sampai dan digunakan.

Bukan setakat itu sahaja, malahan kerjasama dan sumbangan bakti Ahli-Ahli Yang Berhormat, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung dalam menggalakkan bahkan menyedarkan kepada kewajipan anak-anak buah terutama yang berkeupayaan tenaga dan material untuk digunakan secara optimum. Misalannya penyampaian bantuan daripada JAPEM, agihan zakat dari MUIB, dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, dari kementerian-kementerian berkenaan dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola dan mungkin juga rakan-rakan kaola yang baharu dilantik sebagai Menteri-Menteri Kabinet pada 30 Januari 2018 dan terus-terus sahaja menghadapi Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara mulai 5 Mac 2018 iaitu baru 34 hari abiskaola terpaksa membaca, meneliti dan memahami serta mengingati apa-apa yang terkandung dalam kertas-kertas mesyuarat yang bermacam-macam dan tebal-tebal seolah-olah abiskaola akan menghadapi peperiksaan akhir tahun

bahkan rasanya lebih berat lagi daripada itu.

Abis kaola memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat jika terdapat jawapan dan penerangan-penerangan yang abiskaola berikan kurang memuaskan dan kurang tepat. *إِنْ حَسَاءَ اللَّهُ* abiskaola cuba pada masa akan datang akan lebih bersedia dan cuba menjawab dengan baik malahan mungkin pula akan mengemukakan soalan-soalan pulangan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai *two way traffic*.

Akhirnya, kaola ingin menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara ini sesuai sifatnya sebagai wadah bagi membincangkan isu-isu utama dan strategik bagi membangun negara dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

*Sejambak budi segunung intan,
Di lembah emas mencari permata,
Di Majlis Mesyuarat kita bertukar-tukar
fikiran,
Untuk menegak negara tercinta.*

*Dari Burung Pingai ke Kampung Setia,
Singgah di Pandan membeli selasih,
Untuk Brunei kita tumpahkan taat setia,
Untuknya jua kita menumpahkan kasih.*

*Puteri jelita manis berseri,
Di tepi danau duduk menanti,
Tugas kita bukan berakhir di sini,
Sege nap pelosok Brunei kita teruskan
bakti.*

Ada syair jua, terkaduhung sama-sama kitani ada pengual syair yang terkemuka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim saya bacakan sedikit syair pendek (Syapen):

*Wahai anakanda di Dewan ini kita
berperi,
Menjulungkan fikiran menyatukan
fahaman,
Walau berlainan susunan kata dan ciri,
Bersatu jiwa sepakat hati itu idaman.*

*12 hari kita memerah otak,
Mencari kejernihan memadu haluan,
Hasilnya manis rasanya enak,
Ke cucu-cicit menjadi pedoman.*

Sekian وبالله التوفيق والهداية السَّلامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

السَّلامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya jua kita dapat bersidang selama 12 hari dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara 2018.

kita telah dapat meluluskan beberapa akta penting, khususnya Akta Perbekalan 2018/2019. Dengannya akan membolehkan kerajaan untuk melaksanakan rancangan pembangunan negara demi meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berucap pada pagi tadi dan sekali lagi tengah hari ini bagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin dan memandu Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ini dengan tenang dan sabar serta sungguh lancar dan teratur serta memberikan kesempatan dan laluan dengan penuh saksama kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan pandangan serta soalan-soalan dan kepada ahli-ahli dari pihak kerajaan pula untuk memberikan penjelasan dan jawapan.

Dengannya Permesyuaratan kita telah berjalan dengan lancar dan teratur dalam semangat permuzakarahannya dengan telus terbuka serta hormat-menghormati selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti mana juga pada Tahun Kewangan sebelum ini Mesyuarat kita masih berlangsung dalam keadaan negara masih berhadapan dengan berbagai-bagai bentuk cabaran termasuk kedudukan ekonomi global yang tidak menentu dan kedudukan fiskal kerajaan yang masih lagi menanggung defisit walaupun jumlahnya berkurangan.

Sekali lagi kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan baginda masih mampu untuk menyediakan peruntukan kewangan yang munasabah bagi Peruntukan Tahun Kewangan 2018/2019 demi memelihara ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan penduduknya negara ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sepanjang tempoh Permesyuaratan ini, kita telah membincangkan pelbagai isu mendengar cadangan dan pandangan mengenai pembangunan infrastruktur, memajukan aset-aset kerajaan dan meneroka kaedah pembiayaan alternatif seperti *Public Private Partnership*.

Kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang membina dan bernilai tinggi daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cadangan, saranan serta pandangan-pandangan yang diketengahkan di Dewan ini akan

membantu pihak kerajaan dalam meneliti lagi rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan.

Kerajaan akan mengambil perhatian dan meneliti kesesuaian untuk dilaksanakan menurut keutamaan dan bagi penambahbaikan semata-mata bagi memangkin kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini menuju Wawasan Brunei 2035. Ada antara cadangan yang disarankan itu memerlukan pihak kerajaan untuk meneliti dengan sehalus-halusnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepanjang tempoh perbahasan kita, kaola masih berharap dan tertunggu-tunggu untuk mendengar lebih banyak pandangan dan saranan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai cara-cara kita mengawal defisit, sama ada dengan meningkatkan hasil atau mengurangkan perbelanjaan.

Kaola juga mengongsikan aliran mata wang Brunei keluar negara yang semakin meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 2017, mata wang Brunei yang diterima dari pihak *Monetary Authority of Singapore (MAS)* berjumlah BND\$1.403 bilion berbanding dengan jumlah yang dikembalikan kepada *MAS* sebanyak SGD\$7.32 juta.

Pada tahun 2017, kerajaan telah berusaha menurunkan beberapa cukai barangan. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan beberapa agensi kerajaan dan swasta pula menggerakkan beberapa inisiatif

menjurus bukan sahaja untuk menarik pelancong luar negara tetapi menggalakkan orang ramai di negara ini untuk berbelanja di dalam negeri. Semua inisiatif ini memerlukan sokongan semua pihak untuk memberikan impak yang berkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita juga turut berbangga dengan pencapaian negara dalam *ease of doing business* yang keseluruhannya telah meningkat pada tahun ini. Kita berada di tangga ke 56 dalam kalangan 190 negara di seluruh dunia. Dengannya kerajaan berharap untuk dapat menarik lebih banyak lagi pelabur asing untuk melabur di negara ini.

إِنَّ شَاءَ اللَّهُ kerajaan akan terus berusaha untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam destinasi menarik bagi *FDI*. Ia juga tidak dapat dinafikan bahawa kehadiran syarikat-syarikat ini telah dapat membantu membangunkan negara dan meningkatkan kadar pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Kita bersyukur dengan penglibatan belia secara aktif dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan, keagamaan, pendidikan, kesukanan, keusahawanan dan kesukarelawan serta penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan *NGO's*.

Kita menyaksikan bahawa dengan diberikan ruang platform dan laluan disertai dengan peluang dan galakan mereka berjaya memperkasa diri mereka bergerak dengan cergas

melaksanakan rancangan-rancangan bermanfaat kepada mereka dan negara.

Mereka bersedia melengkapkan diri dengan latihan-latihan kemahiran seperti yang diungkayahkan oleh Pusat Pembangunan Kapasiti dan menceburi pekerjaan seperti yang dibuktikan oleh 619 orang belia yang sekarang bertugas di Pulau Muara Besar.

Kita menghargai walaupun dalam jumlah yang kecil, minat dan kesediaan mereka meneroka bidang pertanian dan perikanan. Kita masih menaruh harapan yang tinggi untuk sebahagian besar para belia mengambil punggur ke hadapan bergiat lebih aktif dalam Majlis-Majlis perundingan Kampung dan Mukim, memperkasa kegiatan ekonomi dan sosial di peringkat kampung dan mukim yang sekali gus sama-sama menyumbang kepada memelihara keselamatan, kesejahteraan dan mengatasi isu jenayah dan sosial.

Kita menaruh keyakinan dan harapan golongan orang tempatan untuk tampil menceburkan diri dalam bidang perniagaan dalam berbagai-bagai bidang yang pada masa ini dijalankan oleh peniaga-peniaga luar negeri seperti kedai runcit, pembinaan malah kedai gunting dan kedai jahit. Bukan sebagai jurujual tetapi pengurus dan pemilik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membangkitkan mengenai isu

kebersihan dan ia telah mendapat perhatian serius Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Pada pandangan saya, isu ini akan dapat kita atasi dengan lebih berkesan jika setiap individu mempunyai tanggungjawab dan berperanan sentiasa memberi perhatian dalam alam sekitar.

Isu kebersihan ini dapat diatasi jika semua orang menganggap memelihara kebersihan rumah dan persekitarannya suatu kemestian atau keperluan hidup. Malah dari segi agama Islam kita dituntut sentiasa bersih dan mengamalkan kebersihan dalam semua aspek. Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan yang telah ditubuhkan pada bulan Februari 2016 telah pun menjalankan berbagai-bagai inisiatif ke arah meningkatkan tahap kebersihan seluruh negara iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam negara yang bersih, selamat serta menarik.

Isu-isu kebersihan melalui Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan melibatkan agensi-agensi yang berkepentingan dalam hal-ehwal penguatkuasaan mempromosikan kesedaran awam, menjaga kebersihan dan penjagaan infrastruktur bagi memitigasi isu kebersihan secara bersepadu.

Dalam hal yang berkaitan iaitu dalam pengurusan banjir, pihak kerajaan khasnya Kementerian Pembangunan akan meneruskan usaha-usaha dalam pelaksanaan projek-projek yang telah diperuntukkan pada tahun ini sesuai

dengan perancangan dan keutamaan yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai jentera kerajaan kita hendaklah bersatu padu demi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Sebarang penambahbaikan memerlukan sokongan dan dukungan semua pihak dan ini termasuk agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang menjurus kepada dasar *whole of nation approach*.

Oleh itu rakyat dan penduduk negara ini juga hendaklah memainkan peranan negatif dan positif dalam membantu semua usaha pembangunan negara ini. Rancangan-Rancangan yang telah dikongsikan di Dewan yang mulia ini menunjukkan yang kita memang mempunyai impian dan inspirasi untuk merealisasikan Brunei Maju dan Wawasan Brunei 2035 akan tetapi hendaklah ia sentiasa *realistic* dan *achievable* dengan berpandukan kepada *delivery approach* dan melaksanakan *key performance indicator (KPI)* bagi memastikan secara setiap rancangan dan sasaran untuk dilaksanakan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan mengambil kira keutamaan dan *cost effectiveness*.

Marilah kita sama-sama melangkah ke hadapan dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang cemerlang lagi dihormati dengan ekonomi yang berkembang dan rakyat berkualiti tinggi. Dalam masa yang sama

kita juga perlu sentiasa bijak menangani yang sedia ada di samping meraih peluang-peluang lain di hadapan kita baik di arena global, serantau mahupun pun di dalam negeri. Semua ini sejajar dengan tema Anggaran Belanjawan 2018/2019 iaitu " Perbelanjaan Produktif dan Berinovasi bagi Memelihara kemakmuran Negara".

Kaola di sini ingin untuk merespons perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung.

Perkara ini telah juga diutarakan semasa membincangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Perkara berkaitan dengan status Penghulu dan Ketua Kampung yang mengikut skim ini akan dipersarakan telah dan sedang diteliti oleh Lembaga Perjawatan Penghulu dan Ketua Kampung. Lembaga berkenaan juga sedang meneliti cadangan atau pilihan terbaik bagi mengatasi masalah ini.

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis dan seluruh kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah sama-sama menjayakan Majlis Persidangan Mesyuarat Negara pada tahun ini dengan lancar dan teratur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan dan kaola sudahi dengan.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan yang terakhir akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
 وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
 السَّلَامُ عَلَيَّ مِنْ أَتْبَعِ الْهُدَى السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Timbalan Jurutulis tadi menyebutkan kaola Ucapan Penangguhan yang terakhir ada harapan. Jam sekarang baru 3.15 petang. Untuk mencapai pukul 5.00 petang barangkali kalau kaola panjang izinkan saja karang Pehin. Inda pun sampai pukul 5.00 petang, pukul 4.30 petanglah kiranya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat rakan-rakan sejawat dan Yang Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لِلَّهِ wasyukur Lillah. Permesyuaratan kita telah sampai ke penghujungnya dengan lancar dan teratur. Semua ini tentunya berkat

kebijaksanaan serta kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan kerjasama dan persefahaman baik daripada kalangan abiskaola dan juga kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Kitani dapat mengadakan Permesyuaratan dalam suasana bekerjasama dan persefahaman.

Syabas, terutama sekali kepada sekretariat yang diketuai oleh Yang Dimulihkan Jurutulis dan Timbalannya Tahniah atas kejayaan Permesyuaratan kita ini.

Bekerjasama dan persefahaman itulah sebenarnya semangat Dewan kita ini. Iaitu Majlis Mesyuarat Negara. Ia adalah sebuah wadah ataupun sebuah majlis perundingan, majlis permuzakarah dengan semangat konsultasi, baik dalam kalangan semua pihak yang berada di Dewan ini bukan semangat konfrontasi. Itulah semangat yang sangat kita harapkan kerana itulah semangat orang-orang kitani Brunei dalam acuan konsep dan falsafah Negara Melayu Islam Beraja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyebutkan perkara ini dari awal lagi sewaktu merasmikan Istiadat Pembukaan Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam pada tahun 2004 iaitu penubuhan semula Majlis ini. Baginda bertitah kaola petik, *"Kita sedia maklum orang Brunei mempunyai cara mereka menyalurkan harapan dan masalah melalui berbagai-bagai peringkat perundingan. Sudah barang*

tentu mereka akan mengalu-alukan penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara ini, yang penubuhannya menambahkan lagi forum ataupun wadah atau tempat menyalurkan pendapat dan pandangan." Seterusnya Baginda mengingatkan, *"Bagaimanapun, penubuhan semula Majlis ini, dalam apa jua suasana sekalipun, tidak akan menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini"*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Maka oleh yang demikian, kaola ingin pula menegaskan bahawa Permesyuaratan kita dalam Dewan yang mulia ini menepati tujuan Allah Subhanahu Wataala yang memerintahkan supaya kita bermesyuarat, berunding, melihat menduduki untuk menghuraikan sesuatu perkara terutama yang melibatkan kepentingan umum.

Apabila sudah menemukan keputusan maka bertawakalah kepada Allah Subhanahu Wataala melaksanakannya. Perintah ini ditujukan kepada pemimpin pemimpin yang wewenang ataupun autoriti memegang kuasa pemutus.

Dalam konteks ayat ini ialah Nabi. Dalam konteks kita sekarang ialah waliulamri, kepimpinan kira raja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Firman Allah dalam surah Ali'Imran, ayat 159

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

"Ajaklah mereka itu bermesyuarat. Dalam perkara-perkara yang berkepentingan umum dan apabila sudah sampai kepada keputusan *azamta* maka bertawakallah kepada Allah untuk melaksanakannya".

Maka dalam konteks ini, kitani dalam penghujung ini sudah pun mencapai beberapa keputusan sebagaimana dengan seruan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan harapan yang tinggi daripada rakyat dan penduduk yang mereka sering mengadakan pemuzakarah di peringkat akar umbi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ setakat apa yang terdaya, Kementerian Hal Ehwal Ugama menurut belanjawan yang diperuntukkan kepadanya dan dengan kemampuan tenaga إِنْ شَاءَ اللَّهُ yang ada akan melaksanakan apa-apa jua keputusan dan pemikiran-pemikiran yang bernas yang telah diluahkan dalam Dewan Majlis ini.

Ini sesuai dengan apa yang dinamakan sifat-sifat Allah Subhanahu Wataala perakukan bahawa orang Islam atau orang yang beriman itu sifat-sifatnya ialah saling berunding, nasihat-menasihati. Maka ayat Quran yang berkenaan mengenai perkara itu sudah jelas antaranya telah disebutkan oleh Yang Berhormat di sebarang sana tadi ayat 38 menegaskan bahawa urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka (kita menyelesaikan masalah-masalah secara bermesyuarat, berunding, bermuzakarah bukan berkonfrontasi).

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berharap dan yakin kita di Dewan ini khasnya telah membuktikan hal yang sedemikian dan orang ramai di luar Dewan ini sepatutnya dan selayaknya sudah mengetahui bahawa betapa semangat perundingan, semangat bermuzakarah dan konsultasi bukan semangat konfrontasi adalah semangat bermesyuarat yang menepati ajaran agama rasmi negara, agama Islam. Sebagaimana prinsip-prinsip yang telah diterangkan tadi.

Tegasnya Permesyuaratan ini menepati kehendak hukum syarak. Menepati hukum syarak atau pun syari'ah *compliance* yang cocok dan serasi dengan kehendak yang sebenar kita di Brunei Darussalam kerana ia berada atas landasan azam yang sebenar-benarnya melalui Pemasyhuran Kemerdekaan kita 34 tahun yang lalu bahawa Negara Brunei Darussalam yang kita azamkan untuk kekal buat selamanya sebagai Negara Melayu Islam Beraja itu demokratik bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Kalau ada orang bertanya di mana demokrasinya MIB Brunei itu? Jawablah dengan setegas-tegasnya bahawa demokrasi kita adalah demokrasi bersendikan ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Jangan malu-malu menyatakan dan menegaskan perkara ini. Kita tidak akan mengeksport demokrasi Brunei kerana demokrasi Brunei itu adalah cocok

dengan buminya. Apa yang kita mahu tegaskan ialah kita akan mengurus ehwal politik, sisoekonomi kita berdasarkan falsafah kenegaraan kita yang sedemikian.

Yang penting lagi ialah bila kita mengetahui bahawa apa yang kita lakukan sekarang di Dewan ini adalah syari'ah *compliance*, maka ia akan menjadi berpahala yang besar apabila kita melaksanakannya dan meneruskannya dengan ikhlas dan menyempurnakannya untuk mengembangkannya sesuai dengan kehendak-kehendak landasan yang ditetapkan iaitu landasan berdasarkan ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Demi kesejahteraan kelangsungan perpaduan yang ada kita nikmati pada masa ini, perpaduan rakyat sesama rakyat dengan penduduk dan perpaduan rakyat sesama raja dan kerajaan baginda semua ini telah mendatangkan faedah kepada Brunei Darussalam sehingga zaman modennya ini Brunei telah menempuh modenisasi yang seimbang yang kita beragama.

Di samping itu juga kita membangun dan negara kita **الْحَمْدُ لِلَّهِ** menjadi negara yang tidak boleh dikatakan negara gagal atau negara mundur. Perkara ini mustahak difahami dan disadari oleh sekalian rakyat tetapi yang paling penting yang patut memahami dan menyedari kenegaraan seperti ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola rasakan ialah generasi muda pada masa ini, merekalah penerus kita penerus

zuriat Negara Brunei Darussalam pada masa hadapan.

Sekurang-kurangnya kita dapat menyatakan dalam konteks Wawasan Brunei 2035, mereka generasi sekarang ini yang akan menyempati tarikh 2035 itu. Mereka yang akan menyempati. Kalau kita Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam 70-an ini kita tidak lama lagi tahun 2035, mudah-mudahan umur panjang, Allah Taa'la memanjangkan umur pada masa itu pun dalam keadaan mata sudah kabur, otot-otot atau sendi-sendi sudah kendur, ada yang bertongkat, ada yang berkerusi roda dan mungkin ada yang terlantar uzur.

Tapi 2035 itu akan menyaksikan sejauh mana kita mencapai target-target atau matlamat wawasan. Kalaupun kita tidak ada kitani sudah berkubur kitani tinggal mengharapkan di alam kubur itu akan mendapat rahmat dari amal soleh kita terhadap Brunei dan sebahagiannya ialah amal soleh kita dalam Dewan ini.

Kaola sudah pun bercakap lebih 10 minit Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan kerana itu kaola mohon maaf dan kaola segera menyudahinya dengan rangkap-rangkap Syair dari susuk negarawan yang Brunei telah mentokohkannya sebagai Tokoh Kesusasteraan Islam Brunei iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Dalam beberapa rangkap syairnya dalam buku Syair Rajang Hari antaranya kaola petik begini:

*Berfaedah sungguh kepada negeri,
Yang jujur dan ikhlas di sanubari,
Yang bersependapat sama berdiri,
Membuat kebajikan tiada lari.*

*Membuat kebajikan berbimbing tangan,
Ke arah kebajikan tiada walangan,
Mengeluarkan pendapat tiada
bimbangan,
Aman dan bahagia dalam genggaman.*

*Dalam genggaman aman bahagia,
Untuk kebajikan ia dan dia,
(benda dan bernyawa. Ia adalah benda
dan dia yang bernyawa),
Untuk keamanan bersiap sedia – Aman
dan makmur negara kaya.*

*Hendaklah diturut peraturan negara,
Hendaklah dipatuhi undang-undang
negara,
Untuk kebajikan susunan cara,
Seluruh rakyat dipelihara.*

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekaliannya.

Kaola mohon maaf dan akhirnya terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas Ucapan-Ucapan Penangguhan yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang ikhlas atas kerjasama yang diberikan kerana kita telah dapat

melaksanakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini yang telah diadakan selama 12 hari dengan penuh sempurna yang diadakan dalam suasana yang harmoni berlandaskan pegangan kita Melayu Islam Beraja iaitu saling hormat menghormati.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan atas bantuan dan sokongan padu terutama sekali kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis, Bentara-Bentara Dewan, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan sama ada dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat sendiri mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipinjamkan dari beberapa buah kementerian dan jabatan atas usaha gigih dan komitmen yang sepenuhnya diberikan dalam menyediakan berbagai-bagai keperluan sepanjang Permesyuaratan yang kita ada.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini juga adalah atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu menyediakan keperluan logistik termasuklah liputan media massa dari pihak kerajaan iaitu dari Jabatan Percetakan, Radio dan Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan serta juga media cetak dalam negeri termasuklah surat-surat khabar tempatan yang telah membolehkan orang ramai mendengar dan mengikuti perbincangan-perbincangan sepanjang persidangan ini.

Saya juga ingin menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia keberangkatan baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018 dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada Majlis tersebut.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat mendalam dan mempunyai pandangan jauh serta amat bermakna dalam menzahirkan keazaman padu supaya Majlis Mesyuarat ini dapat membincangkan isu-isu mustahak secara amnya dan yang berkaitan dengan keadaan ekonomi kita pada masa ini khususnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kita menghadapi iklim ekonomi yang secara *gradual* ada peningkatannya kita haruslah bersyukur dan bersifat positif kerana kita masih dapat menikmati faedah-faedah dan keistimewaan-keistimewaan yang telah dikurnikan oleh

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara percuma.

Walau macam manapun, janganlah dulu kita merasa *complacent* ataupun selesa dengan peningkatan kemudahan ini. Adalah penting untuk kita terus memperkasa pembangunan inovasi yang terancang dan strategik serta mengekalkan usaha-usaha melipatgandakan dan mempelbagaikan ekonomi negara ini ke arah pembangunan pelbagai sektor seperti dalam bidang pertanian, agrimakanan serta Industri Pelancongan yang boleh menjana ekonomi Negara Brunei Darussalam dalam mengubah *landscape* negara dari bergantung sepenuhnya pada hasil minyak dan gas dengan penglibatan semua *stakeholders*.

Saya percaya sungguh pun kita berusaha untuk beralih kepada sumber pendapatan yang lain kita akan sedikit sebanyak masih bersyukur disebabkan minyak kita masih ada. Dalam Persidangan yang telah kita adakan selama 12 hari ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah membentangkan perancangan-perancangan, inisiatif-inisiatif, cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang berbentuk nasional dalam penambahbaikan lagi dasar kerajaan yakni menjadi panduan kepada kerajaan bagi memantapkan lagi hala tujuan kita ke arah kemakmuran

rakyat dan keamanan negara dalam menuju dan merealisasikan matlamat “Wawasan Brunei 2035”.

Dengan pendekatan yang sering disebut oleh kita semua dalam Dewan ini *whole of nation approach* dan konsep *give and take* dalam menimbulkan perkara-perkara yang berkepentingan bersama telah menunjukkan sendiri kewibawaan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat untuk sama-sama membangun membawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan memastikan kemakmuran rakyat dan penduduk negara ini diambil berat. Pada masa yang sama kita perlu memupuk dan mengamalkan nilai-nilai teras konsep Melayu Islam Beraja dalam memartabatkan budaya tradisional yang telah diamalkan bertahun-tahun itu.

Begitu juga dengan pelbagai penglibatan belia kita adalah sangat signifikan dalam sama-sama kita membangun dan memperkasa ekonomi Negara Brunei Darussalam ini.

Belia kita perlu dilentur dan dilatih *mentality* mereka untuk jadi pemimpin berwibawa kerana mereka sebagaimana yang dijelaskan oleh rakan-rakan mereka bahawa mereka adalah pelapis yang akan menyambung *legacy* yang kita bawa pada hari ini dalam persaingan dunia supaya akan terus mengharumkan dan memakmurkan lagi

nama Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan usaha yang telah dihulurkan sepanjang persidangan ini diadakan dan semoga kita semua senantiasa berada dalam keadaan sejahtera, sihat walafiat dan terus berada di bawah inayah Allah Subhanahu Wata'ala juga.

Dengan ucapan yang ringkas ini maka mengikut Peruntukan 35 (i) Dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, maka Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan pada satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan berjumpa lagi.

Sekian وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Persidangan Majlis Mesyuarat
Negara ditangguhkan)**